					PANGATAN	1	85	C	II
					PEGALAN	3	87	C	II
					TANDULU	1	92	C	II
	73	MEMBAKUT	1	86 (87)	MEMBAKUT	1	86	C	II
	74	KIMANIS	1	86 (87)	KIMANIS	1	86	C	II
	74A	BONGAWAN	1	86 (83)	BONGAWAN	1	86	C	II
	74	PAPAR	3	89 (89)	PAPAR	3	89	C	II
	76	MOYOG	4	91 (92)	MOYOG	4	91	C	II
	77	TUARAN	5	88 (90)	DAMIT	2	85	C	II
					SONG SAI	1	88	C	II
					TUARAN	2	91	C	II
	78	KEDAMAIAN	4	93 (90)	KEDAMAIAN	1	93	C	I
					TEMPASUK	2	92	C	II
					WARIU	1	92	C	II
	78T	TENGHILAN	1	90 (89)	TENGHILAN	1	90	C	II
	79	BINGKONGAN	6	91 (89)	BANDAU	1	92	C	II
					BINGKONGAN	2	92	C	II
					MENGGARIS	2	92	C	II
					TANDEK	1	88	C	II
	80	BENGGOKA	2	84 (86)	BENGGOKA	2	84	C	II
	82	PAITAN	1	87 (85)	PAITAN	1	87	C	II
	83	SUGUT	6	92 (92)	BONGKUD	1	93	C	I
					LOHAN	1	91	C	II
					MERALI	1	93	C	I
SUGUT					3	91	C	II	
84	LABOK	7	89 (90)	KINIPIR	2	89	C	II	
				LABOK	1	86	C	II	
				LIWAGU	2	87	C	II	
				MALIAU	1	93	C	I	
				TUNGUD	1	88	C	II	
84A	SAPI	4	84 (86)	SAPI	3	81	C	II	
				SUALONG	1	92	C	II	
85	MOUNAD	2	83 (86)	MOUNAD	2	83	C	II	
87	SEGAMA	3	85 (84)	SEGAMA	3	85	C	II	
88	TUNGKU	2	88 (88)	TUNGKU	2	88	C	II	

	88A	SILABUKAN	2	81 (82)	SILABUKAN	2	81	C	II
	89	TINGKAYU	2	84 (85)	TINGKAYU	2	84	C	II
	91	TAWAU	4	88 (85)	TAWAU	4	88	C	II
	91A	APAS	1	86 (90)	APAS	1	86	C	II
	91B	BALUNG	1	87 (89)	BALUNG	1	87	C	II
	92	MEROTAI	3	88 (81)	MEROTAI	3	88	C	II
	93	UMAS-UMAS	1	82 (88)	UMAS-UMAS	1	82	C	II
	94	BRANTIAN	1	84 (84)	BRANTIAN	1	84	C	II
	95	KALABAKAN	3	82 (81)	KALABAKAN	3	82	C	II
SABAH	76A	SEMBULAN	2	67 (65)	SEMBULAN	2	67	SP	III
	76B	LIKAS	8	79 (79)	DARAU INANAM	1 3	75 84	SP C	III II
SABAH					LIKAS	2	63	SP	III
					MENGGATAL	2	91	C	II
	76C	TELIPOK	2	80 (85)	TELIPOK	2	80	SP	II
	85A	SEGALIUD	2	79 (81)	SEGALIUD	2	79	SP	II
	86	KINABATANGAN	10	79 (80)	KARAMUAK	1	85	C	II
					KINABATANGA	2	78	SP	II
					KOYAH	1	84	C	II
					LEEPANG	1	80	SP	II
					MENANGGUL	1	76	SP	III
					PIN	1	79	SP	II
TAKALA					1	72	SP	III	
TENEGANG	2	81	C	II					
90	KALUMPANG	5	78 (78)	KALUMPANG	3	88	C	II	
				PANG BURONG	1	66	SP	III	
				PANG BURONG	1	64	SP	III	

1. WQI BASEON 6 MAJOR PARAMETERS: BOD,COD, SS, PH, DO, NH₃-N
2. RIVER WATER QUALITY STATUS: C: CLEAN, SP: SLIGHTLY POLLUTED, P: POLLUTED
3. RIVER CLSS BASED ON INWQS
4. () = Overall WQI for 2007


Jadual 2.2; Lokasi Stesen Pengawasan Air Marin Di Negeri Sabah, 2008

BAHAGIAN	BIL	WKA	NO. STESEN	GARIS LINTANG	GARIS BUJUR	NAMA STESEN	AKTIVITI
	1	71	5053901	05° 02' 33.3"	115° 30' 38.4"	Teluk Sipitang/Brunei	Industri Kilang Kertas
	2	71	5053902	05° 03' 30.6"	115° 31' 37.2"	Teluk Sipitang/Brunei	Industri Kilang Kertas
	3	71	5053903	05° 02' 46.9"	115° 29' 34.5"	Teluk Sipitang/Brunei	Industri Kilang Kertas
	4	71	5053904	05° 01' 42.8"	115° 29' 00.4"	Teluk Sipitang/Brunei	Industri Kilang Kertas
	5	71	5053905	05° 01' 58.6"	115° 30' 01.4"	Teluk Sipitang/Brunei	Industri Kilang Kertas
	6	71	5053906	05° 04' 24.9"	115° 31' 58.8"	Teluk Sipitang/Brunei	Industri Kilang Kertas
	7	72	5453901	05° 34' 12.0"	115° 35' 55.7"	Muara Sg. Kuala Penyau	Industri/Pelabuhan
	8	73	5355901	05° 32' 21.5"	115° 48' 09.9"	Borneo Golf, Bongawan	Rekreasi


PANTAI BARAT	9	75	5555901	05° 43' 42.7"	115° 53' 42.3"	Pantai Manis, Papar	Rekreasi
	10	75	5565902	05° 47' 33.9"	115° 59' 23.4"	Pantai Melinsung, Papar	Rekreasi
	11	76	5656901	05° 56' 07.3"	116° 02' 47.8"	Rest Lido, Tg. Aru Kota Kinabalu	Rekreasi
	12	76	5656902	05° 56' 33.7"	116° 02' 48.5"	Roller Skating Tg. Aru Kota Kinabalu	Rekreasi
	13	76	5656903	05° 57' 09.9"	116° 02' 30.7"	Pantai No. 3 Tg. Aru Kota Kinabalu	Rekreasi
	14	76	5560904	05° 51' 23.0"	115° 02' 35.0"	Pantai Lok Kawi, Kota Kinabalu	Rekreasi
	15	76	5050905	06° 01' 05.0"	115° 07' 07.0"	Muara Sg. Menggatal Inanam, Likas	Industri
	16	77	6161901	06° 11' 25.0"	115° 09' 45.0"	Pantai Dalit Tuaran	Rekreasi
	17	77	6161902	06° 13' 57.4"	116° 11' 39.2"	Mangrove Para, Tuaran	Rekreasi
	18	77	6161903	06° 11' 02.1"	116° 10' 09.0"	Sabandar Resort Tuaran	Rekreasi
SANDAKAN	19	79	6665901	06° 56' 40.8"	116° 50' 23.5"	Pantai Bak-Bak, Kudat	Rekreasi
	20	85	5580901	05° 49' 27.7"	118° 04' 58.8"	Pantai Pasir Putih Sandakan	Rekreasi
	21	85	5580902	05° 50' 12.2"	118° 06' 50.9"	Pengkalan Tentera Laut, Sandakan	Industri/Pelabuhan
LAHAD DATU	22	85	5580903	05° 47' 45.5"	118° 02' 24.4"	Pantai Batu Sapi, Sandakan	Industri/Kilang
	23	88	5085901	05° 01' 01.7"	118° 53' 11.5"	Pantai Ulu Tungku, Lahad Datu	Rekreasi
	24	89	4481901	04° 39' 40.4"	118° 17' 01.7"	Pantai Sarina, Kunak	Rekreasi
TAWAU	25	89	4581902	04° 56' 39.8"	118° 11' 34.0"	Pantai Kg. Lamak Lahad Datu	Rekreasi
	26	90	4473901	04° 13' 23.6"	117° 59' 02.4"	Pantai Tinagat, Tawau	Rekreasi

Pengawasan Kualiti Air Di Kawasan Pulau

Pada tahun ini, program pengawasan pulau masih lagi dilakukan oleh pihak ASMA. Bagaimanapun, Jabatan Alam Sekitar turut serta dalam program pengawasan tersebut bagi memantau kerja-kerja persampelan yang dilakukan. Sebanyak 4 stesen pengawasan pulau setakat ini iaitu 2 stesen di Pulau Sipadan manakala masing-masing 1 stesen di Pulau Gaya dan Pulau Mabul. 4 frekuensi persampelan dilakukan bagi setiap stesen sepanjang tahun ini. Rajah 2.2 menunjukkan status parameter e-coli di ketiga-tiga pulau berkenaan



Gambar 2.2: Kerja-kerja persampelan di Pulau Sipadan



Rajah 2.2 : Status Parameter E-Coli di Pulau Mabul, Pulau Gaya dan Pulau Sipadan

Pengawasan Kualiti Air Tanah

Stesen pengawasan kualiti air tanah masih lagi kekal sebanyak 14 stesen seperti tahun-tahun sebelumnya iaitu 7 telaga di Integrated Agriculture Training Centre Jabatan Pertanian Sabah Penampang, 2 Telaga Di Sandakan Golf Club Sandakan dan masing-masing 1 telaga Di Kg Tajau Laut Kudat, Sekolah Kebangsaan Inanam Laut, Limbawang Agriculture Station Beaufort, Yong's Farm Tawau dan Pulau Manukan. Pada tahun 2008, 3 frekuensi persampelan dilakukan di setiap stesen telaga air bawah tanah. Sampel yang diambil di analisa secara in-situ seperti aras air dari tanah, konduktiviti, pH dan suhu. Manakala parameter-parameter lain seperti volatile organic compound, logam berat, phenol, anion, analisis bakteria dan jumlah pepejal terlarut dianalisis oleh Jabatan Kimia Kota Kinabalu. Kebanyakan hasil sampel yang dianalisa menunjukkan nilai bacaan parameter berkenaan masih di tahap terkawal.



Gambar 2.3: Kerja-kerja pengukuran in-situ bagi persampelan telaga air bawah tanah yang di lakukan di lapangan dengan menggunakan alat Multi Parameter Sonde.


Pengawasan Kualiti Udara

Terdapat 4 stesen pengawasan udara yang terdapat di negeri sabah iaitu di kota kinabalu, sandakan, keningau dan tawau. Seperti tahun sebelumnya, pengawasan kualiti udara masih dilakukan

oleh pihak ASMA. Semua data-data yang didapati hasil daripada pengawasan kualiti udara akan diserahkan kepada jabatan alam sekitar ibu pejabat secara online setiap hari. Rajah 2.3 menunjukkan status kualiti udara di negeri sabah bagi tahun 2008.



Gambar 2.2: Stesen Pengawasan Kualiti Udara di Tawau



Rajah 2.3: Status Kualiti Udara Di Negeri Sabah, 2008



Bab 3

BAHAGIAN

PEMBANGUNAN

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Unit PAT & EIA Jabatan Alam Sekitar Sabah

Unit Penilaian Awal Tapak (PAT) & Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) adalah unit di bawah Bahagian Pembangunan, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah. Unit ini merupakan unit yang terlibat secara langsung dalam pemprosesan kesesuaian awal tapak bagi permohonan penempatan premis / kilang yang mana dijangka akan menyebabkan pencemaran kepada alam sekitar khususnya bagi PAT dan juga bagi aktiviti-aktiviti yang mana tertakluk kepada Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987 bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 bagi permohonan EIA. Berbeza dengan keperluan penyediaan Laporan EIA bagi kes-kes tertakluk EIA, permohonan PAT cuma tertakluk kepada pengisian maklumat oleh pemohon melalui borang ASPAT. Selain daripada penilaian PAT dan EIA, Unit ini juga bertanggungjawab mengulas Pelan Pembangunan atau Bangunan yang dikemukakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) selain mengeluarkan surat-surat proaktif PAT dan EIA kepada pemohon.

Unit PAT dan Unit EIA yang mana merupakan dua unit yang berbeza di JAS Sabah sebelum ini, kini digabungkan di bawah satu unit yang sama iaitu Unit PAT & EIA bermula pada tahun 2008 di bawah tanggungjawab seorang PK, seorang PPK dan seorang JT. Semua permohonan PAT & EIA di Sabah adalah diproses di bawah ibu pejabat JAS Sabah di Kota Kinabalu. Bagi penelitian permohonan, kes-kes PAT akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal PAT (disertai oleh pegawai teknikal JAS dan dipengerusikan oleh Pengarah JAS Sabah) manakala kes-kes EIA akan dibentangkan dan dinilai dalam Mesyuarat *One Stop Agency* (OSA) yang dipengerusikan oleh Pengarah JAS Sabah dan dihadiri oleh agensi dan jabatan lain yang berkenaan.

Antara pendekatan-pendekatan lain yang diambil oleh JAS Sabah selain ketetapan

daripada pihak Ibu Pejabat sepanjang tahun 2008 adalah seperti berikut:


- Permohonan PAT yang mana melibatkan pembinaan kilang kelapa sawit / getah yang baru (selain daripada aktiviti lain yang dijangka berpotensi untuk mencemarkan persekitaran) adalah dikehendaki untuk mengemukakan Laporan PAT untuk diproses di JAS Sabah selain mengemukakan borang ASPAT;
- Permohonan PAT bagi kes-kes di atas adalah tertakluk kepada Mesyuarat *One Stop Agency* (OSA) yang mana membabitkan kehadiran agensi dan jabatan lain yang berkenaan;
- Permohonan PAT pada peringkat awal adalah digalakkan **SEBELUM** penyediaan Laporan EIA bagi aktiviti yang ditertakluk di bawah EIA;
- Semua laporan EIA yang dikemukakan oleh JAS **WAJIB** disediakan oleh perunding EIA yang berdaftar dengan JAS sahaja. Bagi senarai perunding yang mana berdaftar dengan Jabatan ini boleh dirujuk melalui laman web www.doe.gov.my;
- Penilaian berterusan perunding EIA oleh JAS kini dilaksanakan bagi memastikan kualiti laporan EIA yang dikemukakan oleh perunding adalah berkualiti;
- Ketetapan-ketetapan berkaitan EIA selain maklumat mengenai permohonan yang dinilai oleh pejabat-pejabat JAS seluruh Malaysia boleh dirujuk pada laman web yang sama www.doe.gov.my.

Status Penerimaan Permohonan

Permohonan PAT

Pada tahun 2008, JAS Sabah telah menerima sejumlah 192 permohonan yang menunjukkan tren peningkatan berbanding tahun sebelumnya iaitu 179 permohonan. Peningkatan penerimaan permohonan ini adalah disebabkan oleh kesedaran daripada pihak pemohon sendiri selain Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan


agensi dan jabatan yang berkenaan (seperti Jabatan Pembangunan Perindustrian & Penyelidikan, *Kota Kinabalu Industrial Park*, *Palm Oil Industrial Cluster*, dll.) yang mana akan merujuk kepada JAS sebelum mana-mana projek diluluskan. Sila rujuk kepada **Rajah 3.1** bagi penerimaan permohonan PAT mengikut daerah sepanjang tahun 2008.



Rajah 3.1: Jumlah Permohonan Penilaian Awal Tapak (PAT) Mengikut Daerah di Negeri Sabah Bagi Tahun 2008

Bagi surat-surat proaktif PAT yang dikeluarkan oleh JAS Sabah sepanjang tahun 2008 juga menunjukkan peningkatan iaitu sebanyak 40 berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu sebanyak 22 sahaja. Bagi ulasan pelan pembangunan dan bangunan (DP) yang mana dirujuk oleh PBT juga menunjukkan tren yang

konstan iaitu 69 ulasan pada tahun 2008 berbanding 70 pada tahun sebelumnya. Sila rujuk kepada **Rajah 3.2** bagi analisis tren permohonan PAT, ulasan DP dan Proaktif PAT bagi tahun 2008 dan perbandingan dengan tahun sebelumnya.




Rajah 3.2: Perbandingan Penerimaan Permohonan Untuk Ulasan Penilaian Awal Tapak [PAT], Pelan Pembangunan [DP] / Pelan Bangunan [BP] & Pro-Aktif Penilaian PAT Bagi Tahun 2007 & 2008



Gambar 3.1: Lawatan PAT bagi kes rayuan semula kilang kelapa sawit baru oleh Dato' KPAS, Pengarah Penilaian, Pengarah Penguatkuasaan daripada ibu pejabat bersama Pengarah JAS Sabah dan wakil JAS Sabah.



Gambar 3.2: Lawatan PAT menilai kesesuaian tapak aktiviti kilang plastik oleh pegawai JAS bersama wakil kilang.



Gambar 3.3: Lawatan PAT menilai kesesuaian tapak aktiviti batching plant oleh pegawai JAS bersama wakil kilang.



Gambar 3.4: Perbincangan pegawai JAS bersama pemohon PAT di tapak premis *refurbishing* kenderaan berat.




Gambar 3.5: Lawatan tapak PAT bagi permohonan rayuan semula oleh Pengarah JAS Sabah dan pegawai penilai PAT.

Permohonan EIA

Bagi sepanjang tahun 2008, sejumlah 16 laporan EIA telah diterima bagi projek-projek yang mana tertakluk EIA. Permohonan ini dilihat konstan, walaupun bilangan laporan yang diterima menurun daripada bilangan laporan yang diterima pada tahun 2006 (18 laporan) dan tahun 2007 (19 laporan). Perbandingan penerimaan laporan EIA bagi tahun 2008 adalah dibahagikan mengikut aktiviti seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 3.3**.

Merujuk kepada penerimaan laporan EIA sepanjang tahun 2008, daripada enam belas (16) laporan yang diterima enam (6) laporan diluluskan kerana memenuhi Seksyen 34A(2), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.




Rajah 3.3: Laporan EIA Yang Diterima Oleh JAS Sabah [2004-2008]

Sepuluh (10) laporan EIA yang lain ditolak, lapan (8) daripada laporan berkenaan ditolak kerana tidak memenuhi seksyen yang sama iaitu antara lain kegagalan untuk mengemukakan maklumat tambahan dua (2) minggu selepas Mesyuarat OSA dilangsungkan dan laporan yang disediakan tidak memenuhi garis panduan penyediaan laporan EIA Jabatan ini. Dua (2) laporan ditolak kerana tidak memenuhi keperluan penyediaan laporan EIA oleh perunding EIA yang berdaftar dengan JAS yang mana merupakan keperluan Jabatan bermula 1 Oktober, 2007. Penerimaan laporan EIA mengikut aktiviti adalah seperti di **Rajah 3.4**.


Merujuk kepada Rajah 3.4 di atas, didapati penerimaan laporan EIA adalah lebih tertumpu kepada Aktiviti 18 iaitu aktiviti pengolahan dan pelupusan buangan seperti cadangan pembinaan loji pulihguna (luar-tapak) bagi bahan toksik dan berbahaya, pembinaan loji pulihguna / gunasemula buangan pepejal perbandaran dan pembinaan loji kumbahan perbandaran. Selain daripada itu, Jabatan ini juga menerima satu (1) laporan di bawah Aktiviti 8 iaitu kilang membuat baja dan tiga (3) laporan di bawah Aktiviti 12 iaitu pemajuan medan minyak dan gas, dan pembinaan talian paip yang panjangnya melebihi 50 km di daratan dan di luar pantai.

Bagi laporan EIA yang diterima di bawah Aktiviti 12 berkenaan adalah terletak di dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) yang mana Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974



adalah tidak tertakluk. Namun disebabkan keperluan untuk mendapatkan kelulusan EIA oleh pihak yang mengeluarkan *permit to install* (PTI) / *permit to operate* (PTO), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna maka laporan EIA berkenaan diproses seperti penerimaan laporan EIA lazim Jabatan ini.

Sepanjang tahun 2008 juga, Jabatan ini telah mengulas sejumlah enam puluh lima (65) laporan EIA yang diterima daripada pihak Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Negeri Sabah.



Rajah 3.4: Penerimaan Laporan EIA Sepanjang Tahun 2008 Mengikut Aktiviti




Gambar 3.6 & 3.7: Lawatan EIA bagi menilai tapak projek dan perbincangan lanjut oleh pegawai pengulas EIA dan dihadiri sama oleh penggerak projek dan perunding EIA

Kebenaran Bertulis (KB) Sistem Pengolahan Effluen (SPE)

Sijil Kebenaran Bertulis dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling sebelum kerja-kerja pembinaan sistem pengolahan effluen (SPE) yang baru atau menaiktaraf sistem sedia ada dijalankan. Ini bertujuan untuk menilai kecekapan sistem dan alat kelengkapan yang terlibat dengan proses rawatan effluen supaya mematuhi syarat pelepasan effluen yang ditetapkan.

Pada tahun 2008, sejumlah 221 kes permohonan Kebenaran Bertulis (KB) dibawah seksyen 19 telah diterima dan diproses berbanding 338 kes permohonan tahun 2007, iaitu penurunan sebanyak 35% atau 117 kes. Penurunan ini disebabkan oleh kebanyakan kilang kelapa sawit telah memenuhi kehendak terbaru dalam syarat lesen kilang kelapa sawit iaitu mewajibkan kilang sawit melepaskan effluen yang telah dirawat ke kawasan ladang sawit sebagai pengairan ladang dan meningkatkan kecekapan SPE sedia ada supaya mematuhi nilai BOD3 kurang daripada 20 mg/l dengan menggunakan kaedah rawatan lanjutan yang lebih dikenali sebagai 'polishing plant'. Terdapat juga usaha dari pihak kilang untuk melaksanakan konsep "zero discharge" iaitu dengan melaksanakan aktiviti kompos berserta kaedah pengolahan sedia ada yang masih pada peringkat percubaan.

Manakala pada tahun 2008 sebanyak 105 permohonan adalah untuk mencuci kolam pengolahan effluen (*Desludging*) yang menunjukkan tren peningkatan berbanding tahun 2007 disebabkan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan. Statistik permohonan Kebenaran Bertulis sejak tahun 2003 hingga 2008 adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 3.5**.



Rajah 3.5 : Tren Permohonan Kebenaran Bertulis Dari Tahun 2003 hingga 2008



Gambar 3.8 : *Polishing Plant* yang sedang beroperasi



Gambar 3.9 : Kerja-kerja mencuci kolam pengolahan (*Desludging*) sedang dijalankan


Kelulusan Bertulis Alat Pembakaran Bahanapi (APB) Dan Alat Kawalan Pencemaran Udara (AKP)

Pemasangan atau pembinaan APB dan AKP perlu mendapatkan Kelulusan Bertulis dari Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling terlebih dahulu seperti yang dikehendaki di bawah Peraturan 7, 8, 36, 38 dan 40, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978.


Tujuannya adalah untuk memastikan bendasing yang hendak dilepaskan ke udara mematuhi standad pelepasan yang ditetapkan supaya tidak mencemar udara dan alam sekeliling. Penilaian dibuat berdasarkan kecekapan alat kawalan, penggunaan bahanapi dan ketinggian cerobong. Pengiraan ketinggian cerobong merupakan faktor penting untuk menentukan penyerakan udara secara lebih efisien.

Pada tahun 2008, Jabatan ini telah memproses sebanyak 250 permohonan APB dan AKP iaitu jumlah permohonan yang hampir sama berbanding tahun 2007. Manakala jenis permohonan yang diproses ialah terdiri daripada janakuasa, iaitu 143 permohonan (33%) diikuti dengan dandang & cerobong 84 permohonan (8%), *incinerator* 4 permohonan (1.6%) dan alat kawalan pencemaran udara 19 permohonan (7.6%).

Bilangan permohonan APB mengikut jenis dan kawasan adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 3.1**. Manakala tren permohonan tersebut sejak tahun 2003 hingga 2008 adalah seperti yang ditunjukkan **Rajah 3.6**.



Gambar 3.10 : Pemeriksaan ketinggian cerobong dandang di Kilang kelapa sawit.



Gambar 3.11 : Cerobong yang dilengkapi dengan kemudahan platform dan "sampling port".


Jadual 3.1: Permohonan APB Mengikut Jenis dan Kawasan untuk tahun 2008.

Jenis Permohonan	Kawasan / Zon		
	Pantai Barat	Sdkan, Kudat & Pdlman	Tawau
Janakuasa	27	61	55
Dandang & Cerobong	27	40	17
Insinerator	1	1	2
Alat kawalan	9	2	8
Jumlah	64	103	82



Gambar 3.12: Dandang dengan alat kawalan pencemaran (*multicyclone*) yang baru dipasang

Rajah 3.6: Tren Permohonan APB & AKP Dari Tahun 2003 hingga 2008



Gambar 3.13: Janakuasa yang baru dipasang

LAPORAN AKTIVITI PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

Unit Pendidikan & Sebaran Maklumat Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah berperanan memberi pendidikan Alam Sekitar dan sumber rujukan maklumat berkaitan dengan alam sekitar oleh orang awam di Negeri Sabah. Diketuai oleh Pegawai Kawalan C41, dan dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Kawalan C27 dan seorang Juruteknik C17 yang memberi tumpuan sepenuhnya terhadap program-program kesedaran alam sekitar agar dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik dan berkesan. Disamping usaha untuk mendidik dan memupuk kecintaan terhadap alam sekitar kepada orang ramai, unit ini juga menjalinkan hubungan erat dan kerjasama dengan agensi kerajaan persekutuan, negeri dan pihak swasta serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) di negeri ini.

Objektif pendidikan alam sekitar atau dikenali sebagai Environmental Education (E.E.) adalah untuk memupuk kesedaran alam sekitar dalam kalangan pelajar dan orang awam. Justeru itu, Unit ini sering memberikan sokongan dan menampilkan diri dalam mana-mana aktiviti atau program yang dianjurkan bersama ataupun sebagai jempunan oleh mana-mana agensi kerajaan, pertubuhan, sektor swasta mahupun NGO.

CERAMAH DAN TAKLIMAT

Sepanjang tahun 2008, sebanyak 28 aktiviti ceramah telah diadakan kepada pelajar peringkat sekolah rendah, menengah, pengajian tinggi dan masyarakat umum. Kebanyakan aktiviti ceramah diadakan untuk memenuhi jempunan pihak yang berkepentingan.

Unit ini juga terlibat dalam pelaksanaan 11 aktiviti seminar, taklimat dan dialog bersama wakil PBT dan pihak industri untuk membincangkan kehendak semasa Jabatan dan

garis panduan pembangunan yang berkaitan dengan kawalan pencemaran air, bunyi bising dan pencemaran udara. Jadual 3.2 dan 3.3 menunjukkan program kesedaran alam sekitar yang dirancang dan berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2008.

Jadual 3.2: Sasaran dan pencapaian tahun 2008

PROGRAM KESEDARAN ALAM SEKITAR	Sasaran 2008	Pencapaian 2008
Ceramah Sekolah	30	18
Ceramah Umum	7	10
Pameran	25	29
Seminar / Taklimat	16	11



Gambar 3.14 : Pegawai bertugas sedang melayani pengunjung pameran

Jadual 3.3 – Aktiviti ceramah, dialog, seminar dan taklimat tahun 2008

Bil.	Penceramah	Tarikh	Tempat	Tajuk	Sasaran
1.	Jikula Mongijjal	7 – 8/1/2008	Petronas Kota Kinabalu	Pembangunan Mapan	Staf PETRONAS
2.	Ahmad Saifull Salihin	21/1/2008	Pejabat NIOSH Kota Kinabalu	Peraturan Kumbahan Effluen Perindustrian	Pelajar IPT
3.	Jikula Mongijjal	21/1/2008	Pejabat NIOSH Kota Kinabalu	Perlindungan OZON	Pelajar IPT
4.	Chai Hsieh Nee	21/1/2008	Pejabat NIOSH Kota Kinabalu	Dasar Alam Sekitar Negara	Pelajar IPT
5.	Chai Hsieh Nee	21/1/2008	JAS Sabah	Taklimat Pengadilan SERASI	Pengadil SERASI
6.	Md. Aftar Balliah	22/1/2008	Pejabat NIOSH Kota Kinabalu	Operasi Memantau Pembakara Terbuka	Pelajar IPT
7.	Aliudin Bin Atat	22/1/2008	Pejabat NIOSH Kota Kinabalu	Pengurusan Buangan Terjadual	Pelajar IPT
8.	Melissa Joseph James	22/1/2008	Pejabat NIOSH Kota Kinabalu	Perundangan Projek EIA	Pelajar IPT
9.	Jikula Mongijjal	28/2/2008	SRK St. Francis Convent, Kota Kinabalu	Amalan Mesra Alam	Murid tahun 4,5 dan 6
10.	Jikula Mongijjal	29/2/2008	SRK St. Francis Convent, Kota Kinabalu	Amalan Mesra Alam	Murid tahun 1,2 dan 3
11.	Jissammy Jimmy	26/3/2008	IOI Refinery Complex, Sandakan	Pengenalan JAS dan Bidang Kuasa	Pekerja sektor swasta
12.	Rosli Osman / Aliudin Bin Atat	28/3/2008	KPKPS, Kota Kinabalu	Taklimat Pelan Tindakan Pembersihan Tumpahan Minyak	28 Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan
13.	Jikula Mongijjal	2/4/2008	Politeknik Kota Kinabalu	Penggunaan Teknologi dalam operasi JAS	Pelajar Diploma Kejuruteraan Awam/Elektrik/Mekatronik
14.	Pn. Halimah Hassan (HQ) / Hj. Abdul Razak Bin Abdul Manap	3/4/2008	KPKPS, Kota Kinabalu	Seminar of Guideline Siting & Zoning of Industries	Semua Agensi Kerajaan Negeri / Persekutuan, Pihak Pemaju Pembangunan, Juruperunding alam sekitar dan pemaju-pemaju projek Negeri Sabah
15.	Yaras Bin Yusuf	14/4/2008	SMK Balung, Tawau	Pelaksanaan Kitar Semula	Murid Sekolah Menengah
16.	Jikula Mongijjal	15/4/2008	Kg. Komburongoh, Ranau	Penjagaan Tadahan Air dan Pemuliharaan Kepelbagaian Biologi	Penduduk kampung (Khidmat Komuniti)

17.	Jikula Mongijal / Jissammy Jimmy	17 – 18/4/2008	Pusat Servis Proton Edar, Kolombong Kota Kinabalu	Kempen Kebersihan Minggu Keselamatan Proton	Pekerja Syarikat Proton Edar Kawasan Kota Kinabalu
18.	Jissammy Jimmy	19/4/2008	Tapak Pasar Malam, Inanam Kota Kinabalu	Hari Bumi Sedunia	Orang Awam
19.	Jikula Mongijal	19/4/2008	SK. Cheng Ming, Papar	Ceramah Amalan Hijau Sempena Hari Bumi	Pelajar Sekolah Rendah
20.	Jikula Mongijal	22/4/2008	SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang	Ceramah Pelindungan Ozon Sempena Hari Ekspo Lestari	Pelajar Sekolah Menengah
21.	Mohd Aza Bin Isamail	26/4/2008	Padang Merdeka Kota Kinabalu	Pameran Sempena Hari 'Freedom Of Entry To The City'	Orang Awam
22.	Jikula Mongijal	23/5/2008	SMK Badin, Tuaran	Karnival Flora & Fauna. Ceramah Kepentingan Menjaga Biodiversity	Pelajar Sekolah Menengah
23.	Hj. Abdul Razak Bin Abdul Manap / Rosli Osman	26/5/2008	KPKPS, Kota Kinabalu	Taklimat Pematuhan Industri Terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974	Wakil Industri dan Pusat Servis Kereta Negeri Sabah
24.	Jikula Mongijal	5 -9/6/2008	Sukau, Kinabatangan	Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia	Sektor Awam dan Swasta serta NGO
25.	Jikula Mongijal	17 – 18/6/2008	SM. All Saints, Kota Kinabalu	Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia. Ceramah 'Global Warming'	Pelajar Sekolah Menengah
26.	Jikula Mongijal	23/6/2008	SMK Jambatan Putih, Tawau	Ceramah Global Warming	Pelajar Sekolah Menengah
27.	Mohd Aza Bin Isamail	26/6/2008	SMK Perempuan Likas, Kota Kinabalu	Sempena Sambutan Minggu Koperasi Sekolah 2008	Pelajar Sekolah Menengah
28.	Hj. Abdul Razak Bin Abdul Manap / Rosli Osman / Suhaimi Azmi	15/7/2008	KPKPS, Kota Kinabalu	Taklimat Keperluan Pematuhan Peraturan Alam Sekitar kepada Premis yang ditetapkan (KKS) sempena Hari Bersama Pelanggan	Pengurus-Pengurus kilang kelapa sawit Negeri Sabah dan juruperunding alam sekitar
29.	Jissammy Jimmy	1 - 2/8/2008	Tagal Sg. Luanti / Sabah Tea Garden, Ranau	Ceramah Ekosistem Sungai dan Ekosistem Tanah Tinggi	SK Lohan, Ranau
30.	Aliudin Bin Atat	1/8/2008	KPKPS, Kota Kinabalu	Taklimat Pelan Tindakan Pembersihan Pantai Sabah	Ketua-Ketua Jabatan Negeri Sabah.

31.	Jikula Mongijal	8 – 10/8/2008	Taman Pertanian Sabah, Tenom	Ceramah Kesedaran Alam Sekitar	Pelajar Gabungan Sekolah Menengah Daerah Tenom dan W.P. Labuan
32.	Amirul Aripin	11/8/2008	Institut Perguruan Gaya, Kota Kinabalu	Taklimat Peranan JAS dalam pengurusan alam sekitar	Pelatih Institut Perguruan
33.	Jikula Mongijal	14/8/2008	SMK Lok Yuk Likas, Kota Kinabalu	Ceramah Global Warming	Pelajar Sekolah Menengah
34.	Rosli Osman	22/8/2008	Magellan Sutera Harbour Resort	Taklimat Perundangan dan Polisi Alam Sekitar Terkini	Staff Shell dan Petronas
35.	Dr. Ir. Shamsudin Ab Latif / Tn. Hj. Nasaruddin Zainuddin	29/10/2008	Main Ballroom, Promenade Hotel, Kota Kinabalu	Seminar CEM's	Wakil industri dan juruperunding alam sekitar
36.	Jikula Mongijal	4/11/2008	SMK St. James, Tenghilan, Tuaran	Ceramah Global Warming	Pelajar Sekolah Menengah
37.	Jikula Mongijal	21/11/2008	Lahad Datu Edible Oil Complex,	Ceramah Global Warming	Pekerja sektor swasta
38.	Hj. Abdul Razak Bin Abdul Manap	15/12/2008	Dewan Tun Mustapha, Kudat	Seminar dan pelancaran Garispanduan Pelan Tindakan Pembersihan Pantai Sabah	Pegawai-Pegawai Eksekutif dan Pegawai Kanan PBT Negeri Sabah

KEM KESEDARAN ALAM SEKITAR (KeKAS)

KeKAS merupakan program tahunan yang ditawarkan oleh Jabatan ini kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah serta guru-guru di Institut Perguruan tempatan dengan memberi peruntukan yang tidak melebihi RM3000.00 dalam satu kem. Pada tahun 2008 sebanyak 5 kem telah dilaksanakan termasuk 2 kem yang dianjurkan bersama dengan Jabatan Pendidikan, JAS W.P. Labuan, Petronas dan Shell seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.4.

Pengisian dalam program KeKAS adalah seperti ceramah alam sekitar, pelaksanaan modul ekosistem, aktiviti luar, dan latihan dalam kumpulan. Bilangan KeKAS yang dijalankan agak berkurangan berbanding tahun 2007 kerana sebahagian peruntukan telah diagihkan untuk menjayakan Majlis Penyampaian Anugerah Sekolah Rakan Alam Sekitar (SERASI) 2007/2008.

Jadual 3.4 – KeKAS sepanjang tahun 2008

Bil	Aktiviti KeKAS	Tarikh	Bilangan Hari	Bilangan Peserta	Tempat KeKAS dilaksanakan	Modul Ekosistem
1	Pameran, ceramah dan aktiviti KeKAS oleh SK Lohan Ranau.	01 - 03/08/08	3 hari dan 2 malam	40	Sabah Tea Garden, Ranau	Ekosistem Sungai, Tanah Tinggi, Hutan dan Pengenalan JAS
2	Pameran, ceramah dan aktiviti KeKAS oleh Pelajar Sekolah Gabungan Tenom dan Labuan (JAS Sabah / JAS Labuan / Petronas / JPN Sabah & Labuan)	08 - 10/08/08	3 hari dan 2 malam	80	Taman Pertanian Tenom (sebahagian besar peruntukan oleh Petronas)	Ekosistem Sungai, Pertanian Organik, Hutan dan pengenalan JAS - Petronas (Anjuran bersama Petronas)
3	Pameran, ceramah dan aktiviti KeKAS oleh Pelajar Sekolah Gabungan Labuan (JAS Sabah / JAS Labuan / SHELL / JPN Labuan)	16 - 18/8/08	3 hari dan 2 malam	60	Taman Pertanian Tenom (sebahagian besar peruntukan oleh Shell)	Ekosistem Sungai, Pertanian Organik, Hutan dan Pengenalan JAS - SHELL (Anjuran bersama Shell)
4	Pameran, ceramah dan aktiviti KeKAS oleh SK St. Dominic, Lahad Datu.	07 - 09/11/08	3 hari dan 2 malam	40	Pusat Luar Lembah Danum, Lahad Datu	Ekosistem Sungai, Tanah Tinggi, Hutan dan Pengenalan JAS
5	Pameran, ceramah dan aktiviti KeKAS oleh SK St. Francis Convent, Kota Kinabalu.	14 - 16/11/08	3 hari dan 2 malam	40	SK Sg. Moyog, Penampang	Ekosistem Sungai, Tanah Tinggi, Hutan dan Pengenalan JAS


MINGGU ALAM SEKITAR MALAYSIA (MASM) 2008

Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) disambut pada 21-27 Oktober setiap tahun. Bagi Negeri Sabah, sambutan MASM 2008 telah dilancarkan pada 18 Oktober 2008 oleh Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah Tn. Hj. Abdul Razak Bin Hj. Abdul Manap di Kota Kinabalu Wetland Centre (KKWC). Turut hadir menyaksikan majlis pelancaran MASM 2008 ialah Pengarah Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Negeri Sabah (JPAS), En. Yabi Yangkat, Pengurus KKWC Cik Joyceline Maluda, Cik Helen Erut wakil dari EAC, guru-guru dan murid-murid, pelajar-pelajar UMS dan kakitangan JAS Sabah.

Jawantankuasa penganjur bagi majlis pelancaran MASM 2008 adalah terdiri daripada JAS Sabah, JPAS, DBKK, KKWC dan EAC. Pihak penganjur telah mengadakan Mangrove Hunt Challenge (pungut sampah paling banyak) dan Beach & Wetland Clean-Up Programme yang berlangsung sebelum majlis pelancaran. Seramai 220 pelajar dari 11 buah sekolah yang layak ke pertandingan akhir SERASI 2007/2008 dan juga sekolah yang mendapat pengiktirafan sekolah tanpa sampah oleh DBKK telah dijemput menyertai program ini. Setiap sekolah dikehendaki menghantar 20 orang pelajar di mana lima (05) pelajar terlibat dengan aktiviti Mangrove Hunt Challenge di KKWC dan selebihnya adalah untuk Beach & Wetland Clean-Up Programme di sekitar pantai dan wetland berdekatan.

Pelancaran ini telah dimulakan dengan mengadakan aktiviti memungut sampah di kawasan pantai dan paya sekitar Likas iaitu bermula dari KKWC menuju ke Bulatan Masjid Bandaraya dan kembali ke KKWC yang dinamakan 'Beach & wetland Clean-up Programme'. Dalam masa yang sama aktiviti Mangrove Hunt Challenge yang menawarkan hadiah berbentuk tong kompos Bokashi, sijil

dan wang saguhati dilangsungkan di KKWC. Pemenang tempat pertama jatuh kepada pelajar SM St. Michael, Penampang, diikuti oleh SM Tinggi Kota Kinabalu dan ketiga dimenangi oleh SM La Salle.



Gambar 3.15: Pelajar Sekolah Menengah & UMS dalam Beach & Wetland Clean-Up Programme

Sebagai kenangan dalam majlis pelancaran MASM 2008, Pengarah JAS Sabah bersama Pengarah JPAS, wakil EAC dan wakil KKWC telah melakukan penanaman anak pokok bakau di dalam kawasan bakau KKWC.



Gambar 3.16: Pengarah JAS Sabah & JPAS sedang menanam anak pokok bakau sempena Majlis Pelancaran MASM 2008

Acara kemuncak MASM 2008 ialah Majlis Penyampaian Anugerah Sekolah Rakan Alam Sekitar (SERASI) 2007/2008 yang berlangsung di Auditorium Tun Raffae, Menara Tun Mustapha, Kota Kinabalu pada 25 Oktober 2008. Y.B. Datuk

Masidi Manjun, Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah adalah tetamu kehormat di majlis tersebut



Gambar 3.17: Gambar kenangan para pemenang SERASI 2007/2008 bersama Y.B. Datuk Masidi Manjun, Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah

AKTIVITI PAMERAN

Pameran merupakan satu media penting bagi Jabatan ini menyampaikan mesej berkaitan bidangkuasa dan polisi Jabatan kepada orang awam. Bahan pameran sentiasa dikemaskini supaya relevan dengan kehendak semasa. Aktiviti pameran juga turut diadakan semasa program ceramah, seminar, taklimat dan kem kesedaran alam sekitar (KeKAS) untuk memantapkan lagi proses penerimaan maklumat oleh kumpulan sasar. Sejumlah 29 aktiviti pameran telah dilaksanakan sepanjang tahun 2008 termasuklah pameran yang dilakukan bagi memenuhi jemputan dari agensi lain. Kejayaan yang boleh dibanggakan oleh unit ini dalam aktiviti pameran ialah memenangi tempat ketiga

dari 20 peserta dalam Anugerah Pameran Tercantik peringkat Negeri Sabah sempena Sambutan Hari Pengguna (Anjuran KPDN) di Dataran Dasoka, DBKK pada 16 - 18 Ogos 2008. Ini membuktikan bahawa bahan-bahan dan alat kelengkapan pameran adalah berkualiti dan memenuhi kehendak pengujung pameran.

PUSAT SUMBER JAS SABAH

Pusat sumber disediakan untuk kemudahan orang awam mendapatkan maklumat mengenai alam sekitar. Ia dibuka setiap hari bekerja dari jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang. Pengunjung

yang datang adalah dalam kalangan pelajar-pelajar pengajian tinggi, juru perunding alam sekitar, kakitangan kerajaan, NGO dan individu yang ingin mendapatkan maklumat berkaitan alam sekitar. Sepanjang tahun 2008, jumlah pengunjung yang datang ke pusat sumber Jabatan Alam Sekitar ialah 289 orang.

Bahan-bahan bacaan sentiasa diselenggara untuk memastikan susunan dan rekod buku-buku sentiasa dikemaskini. Buku dan majalah diperolehi dari ibupejabat dan juga sumbangan dari agensi-agensi kerajaan serta pihak NGO. Pusat sumber ini juga digunakan untuk mempamerkan Laporan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA atau DEIA) untuk rujukan pihak-pihak berkepentingan.

PENGURUSAN PELAJAR INDUSTRI

Unit ini bertindak mengurus sebarang permohonan pelajar IPTA atau IPTS yang ingin membuat latihan industri / praktikal di Jabatan ini. Pada tahun 2008, sebanyak 08 orang pelajar telah diterima untuk melakukan latihan industri. Biasanya pelajar yang dipilih adalah dalam bidang kursus yang mempunyai kaitan dengan bidang tugas Jabatan seperti Sains Persekitaran, Sains Laut, Kejuruteraan Alam Sekitar, Teknologi Persekitaran, Teknologi Maklumat dan Kejuruteraan / Industri Kimia.

Kebanyakan pelajar praktikal ditempatkan di JAS Kota Kinabalu di mana setiap pelajar akan berpeluang mempelajari tugas-tugas pegawai mengikut unit yang ditetapkan. JAS Cawangan juga turut menerima pelajar menjalani praktikal khususnya JAS Cawangan Tawau yang sanggup melatih tiga orang pelajar. Senarai pelajar yang menjalani latihan pada tahun 2008 adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.5.

HEBAHAN DAN PROMOSI DI RADIO

RTM Kota Kinabalu iaitu Radio Malaysia Kota Kinabalu (RMKK) dan Siaran Sabah Bagus Ba..! memberi sokongan dan bantuan dalam menyiarkan sebarang berita dan program yang

dianjurkan oleh JAS Sabah. Hebahan yang pernah disiarkan adalah berkaitan aktiviti pembakaran terbuka dan pengumuman program alam sekitar yang akan dilaksanakan.

Antara program paling hangat yang telah disiarkan melalui radio Sabah ialah temuramah dan kuiz di Radio sempena Minggu Alam Sekitar Malaysia yang disiarkan dari 21 Oktober hingga 26 November 2008. Aktiviti ini dianjurkan dibawah Sabah Environmental Education Network (SEEN) yang melibatkan beberapa Jabatan dengan tajuk berkaitan bidang tugas Jabatan seperti dalam Jadual 3.6. Hadiah wang tunai berjumlah RM300 diperuntukan dalam setiap sesi kepada tiga pendengar yang berjaya menjawab kuiz dengan tepat.

KOLOKIAM DAN KURSUS DALAMAN

Perkongsian ilmu dan percambahan idea telah diamalkan oleh staf JAS Sabah melalui kolokium, kursus dalaman dan ceramah-ceramah berbentuk agama dan motivasi. Unit ini menyelaraskan jadual pelaksanaan kolokium oleh pegawai-pegawai JAS Sabah untuk berkongsi pengetahuan yang diperolehi semasa menghadiri sesuatu kursus. Disamping itu, penceramah dari luar seperti BPR, Jabatan Agama Islam Sabah dan Bomba dan Penyelamat telah dijemput untuk mengadakan ceramah dan demonstrasi. Melalui aktiviti ini, staf JAS memperoleh maklumat terkini yang berguna dalam kemajuan kerjaya disamping menggalakkan amalan 5 nilai-nilai sepunya JASaba iaitu Berintegriti, Profesional, Suci Hati, Menepati Masa dan Ceria Selalu.

Jadual 3.5 : Senarai Pelajar Latihan Industri Sesi 2008

Bil	Nama	Kursus	Institut	Tempoh Latihan	Tempat
1	Mohd Rizuan Bin Usnie	Env. Science	UMS	26/05-03/08/08	Tawau
2	Chong Hin Lam	Env. Science	UMS	26/05-03/08/08	KK
3	Lim Yi Tyng	Env. Science	UMS	26/05-03/08/08	KK
4	Mariana John	Diploma Kejuruteraan Alam sekitar	Politeknik Sultan Idris Shah	14/1/08-14/6/08	KK
5	Norijan Abd Jannah	Env. Science	UMS	26/05-03/08/08	Tawau
6	Darmiah Kasman	Env. Science	UMS	26/05-03/08/08	Tawau
7	Safrizah Bt Wahadi	Sijil Teknologi Maklumat	Kolej Komuniti Mas Gading	14/7 – 12/12/08	KK
8	Usha Nandini A/P Rajalingam	Env. Science	UMS	26/05-03/08/08	KK

Jadual 3.6 : Temuramah dan Kuiz Di Radio (Bahasa Malaysia / Inggeris)

Bil	Tarikh	Tajuk	Penyampai
1	21 Okt 2008	Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM)	Jabatan Alam Sekitar (Jikula Mongijal)
2	22 Oct 2008	The Malaysia Environment Week Celebration	Environment Protection Department (Pn. Susan Pudin)
3	28 Okt 2008	Pemanasan Sejagat, Kita Tangani Bersama	Jabatan Pelajaran Sabah (Pn Ummah Salmah)
4	29 Oct 2008	Global Warming Issues	Malaysian Nature Society Sabah Branch
5	4 Nov 2008	Kempen Anti Kutu Sampah	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
6	5 Nov 2008	Save Our River	KK Wetland Centre
7	11 Nov 2008	Pemuliharaan Hutan Kita	Rainforest Discovery Centre, Jabatan Perhutanan Sabah
8	12 Nov 2008	Conserving Our Forest	Sabah Forestry Department
9	18 Nov 2008	Udara Bersih, Hidup Sihat	Kementerian Belia & Sukan
10	19 Nov 2008	Anti-Litter Bugs Campaign	Kota Kinabalu City Hall
11	25 Nov 2008	Selamatkanlah Sungai!	Jabatan Pengairan & Saliran
12	26 Nov 2008	Go for Cleaner Air	WWF Malaysia (Borneo Programme)

AKTIVITI KESEDARAN ALAM SEKITAR YANG BERKAITAN

Debat Alam Sekitar Antara IPT kali ke 18 telah diadakan di UMS pada 26 hingga 29 Julai 2008. Sebanyak 26 universiti tempatan telah dijemput menyertai pertandingan itu. Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Y.B. Dato' Senator Maznah Mazlan telah merasmikan majlis pertandingan akhir yang berlangsung di Dewan Resital, Universiti Malaysia Sabah. Turut hadir menyaksikan acara tersebut ialah Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar Malaysia.

Unit ini juga terlibat dengan program kitar semula telefon bimbit terpakai termasuk bateri dan aksesori. Bagi menyokong program tersebut, 12 unit tong kitar semula telah ditempatkan di beberapa lokasi tumpuan awam seperti perpustakaan, hospital dan IPTA untuk memberi kesedaran dan pendidikan kepada orang awam supaya membawa telefon bimbit terpakai ke tong-tong kitar semula yang disediakan. Ini untuk menggalak pelupusan E-Waste di premis yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.



Gambar 3.18 : Gambar kenangan para pemenang Pertandingan Debat Alam Sekitar bersama

LAPORAN TAHUNAN UNIT IT-JAS SABAH TAHUN 2008

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah melalui Unit IT telah mengambil inisiatif untuk memperengkapkan peralatan komputer yang terkini serta efisien kepada semua kakitangan yang terbabit sesuai dengan perkembangan teknologi IT yang pesat pada hari ini. Bagi Tahun 2008 perolehan perkakasan IT bagi JAS Sabah adalah seperti berikut:

Selaras dengan penambahan perkakasan baru, unit IT telah melaksanakan pelupusan perkakasan IT yang lama seperti berikut:

Bil	ITEM	unit
1	Komputer	21
2	Komputer riba	2
3	Pencetak	10
4	Pengimbas	1
5	Tetikus tanpa wayar	2
6	Pembesar suara	30
7	Sistem audio mudahalaih	1

Jadual 3.7 : Perolehan perkakasan IT bagi JAS Sabah

Seiring dengan ancaman spam dan virus masa kini, pihak BTM JAS telah menaiktaraf perisian antivirus KASPERSKY daripada versi 6.0 kepada versi 6.408 untuk memastikan keselamatan komputer di rangkaian JAS Sabah tidak terjejas.

Bil	Item		Kaedah Pelupusan	Tempat Pelupusan
	Komputer	Pencetak		
1	10	2	Pindahan	SJK(C) Cheng Ming Papar
2	7	1	Pindahan	ST. Joseph Papar
3	15	0	Jualan Sisa	Kualiti Alam Sdn Bhd
	35			

Jadual 3.8 : Pelupusan Perkakasan IT yang Lama



Gambar 3.19 & 3.20 : Kerja-kerja pemindahan milik kepada sekolah SJK(C) Cheng Ming Papar.



Bab 4

BAHAGIAN

OPERASI

BAHAGIAN OPERASI

Kawalan Ke Atas Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Kilang Kelapa Sawit (KKS)

Perlesenan


Kilang Kelapa Sawit (KKS) merupakan Premis Yang Ditetapkan (PYDT) yang perlu dilesenkan di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Pada tahun 2008, sebanyak 116 KKS yang beroperasi di Negeri Sabah. Jumlah yang dicatatkan menunjukkan perkembangan yang pesat dalam sejarah industri sawit di Negeri Sabah dengan peningkatan 170% jika dibandingkan bagi tempoh 10 tahun ke belakang (1998) (rujuk rajah 4.1).

Taburan Kilang Kelapa Sawit di Negeri Sabah boleh dilihat di dalam Jadual 4.4 yang menunjukkan laporan taburan KKS di Negeri Sabah berdasarkan lembangan sungai utama (WKA). Berdasarkan Jadual 4.4, di dapati KKS lebih tertumpu di bahagian Pantai Timur iaitu di Bahagian Sandakan (59 KKS), Tawau (51 KKS), Bahagian Pendalaman (5 KKS) dan Bahagian Kudat (1KKS).

Sehingga Disember 2008, sebanyak 113 KKS daripada 116 KKS telah berjaya diperbaharui lesen melibatkan tempoh 3 bulan, 6 bulan, 12 bulan dan 18 bulan. Sebanyak **RM 241,138.00** telah berjaya dikutip hasil daripada bayaran yang dikenakan bagi tujuan pembaharuan lesen. 3 KKS tidak diperbaharui lesen berikutan kegagalan pihak KKS tersebut melaksanakan arahan semasa yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah berkaitan pelepasan effluen.

Pembahagian lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah adalah mengikut kaedah pelupusan effluen seperti yang disyaratkan di dalam Jadual Pematuhan Lesen iaitu pelupusan effluen ke Alurair (A), Alurair Pengairan Ladang A(P), Atas Tanah (T), Atas Tanah dan Kompos (T/K) dan lain-lain adalah seperti di Jadual 4.1. Daripada 113 KKS yang dilesenkan sebanyak 22 KKS telah mengaplikasikan kaedah pelupusan effluen dengan nilai BOD3 kurang daripada 20 mg/

l dengan menggunakan kaedah rawatan lanjutan yang lebih dikenali sebagai 'polishing plant'.



Rajah 4.1: Jumlah KKS dalam tempoh 10 tahun


Jadual 4.1: Lesen KKS mengikut kaedah pelupusan effluen

MOD	2006/2007	2007/2008	2008/2009
A(P)	13	73	87
A	61	3	2
T	28	27	16
A(P)T	0	4	4
AT	5	1	0
TK	1	1	1
K	1	0	0
AK	1	0	0
A(P)K	0	5	6
JUMLAH	110	114	116

Penguatkuasaan PYDT (KKS)

Dalam rangka pengawalan dan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ke atas KKS di Negeri Sabah pada tahun 2008, semua 116 KKS telah disiasat melibatkan 351 lawatan siasatan. Jumlah siasatan yang telah dijalankan melebihi daripada jumlah siasatan yang disasarkan bagi tahun 2008 iaitu sebanyak 300 siasatan dan mencatat 117% pencapaian. Pencapaian ini didorong oleh keperluan pemantauan dari semasa ke semasa bagi memastikan peningkatan pematuhan ke atas KKS di Negeri Sabah.

Tren jumlah penguatkuasaan KKS di Negeri Sabah boleh dirujuk di Rajah 4.2. Berdasarkan Rajah 4.2, jumlah siasatan pada tahun 2008 telah meningkat jika dibandingkan dengan siasatan pada tahun 2007. Antara faktor penyumbang kepada peningkatan ini adalah faktor sumber manusia yang bertambah dan strategi program siasatan tahunan yang lebih cekap.




Rajah 4.2: Bilangan Lawatan Penguatkuasaan KKS (2000-2008)

Daripada jumlah siasatan 2008 itu, sebanyak 106 KKS telah dikategorikan sebagai "patuh" dan 10 KKS telah dikategorikan sebagai "tidak patuh" kepada syarat-syarat lesen (effluen). Sebagai tindakan susulan, sebanyak 145 Surat Arahan, 98 Notis Arahan dan 5 Kompaun telah dikeluarkan.

Selain itu, sebuah premis KKS telah dibatalkan lesen operasi bermula 31 Oktober 2007 hingga 18 Ogos 2008 dan tindakan mahkamah diambil

ke atasnya kerana kegagalan mematuhi syarat lesen dan melakukan kesalahan berulang di bawah AKAS 1974. Peratus pencapaian pematuhan 2008 adalah 91.34% (rujuk Rajah 4.3, Jadual 4.2, Rajah 4.4, dan Jadual 4.3)


Secara amnya, hasil daripada kaedah penguatkuasaan yang dijalankan pada tahun ini, KKS di Negeri Sabah telah dikelaskan berdasarkan kepada status pematuhan semasa kepada beberapa kategori iaitu 3 T(Tengkorak), 2 T(Tengkorak) & 1 T(Tengkorak) (Rujuk Jadual 4.4). Pengkelasan KKS kepada kategori-kategori tersebut dapat JAS membantu dalam merangka strategi penguatkuasaan bagi program siasatan tahunan 2009 supaya objektif program penguatkuasaan dapat dicapai disamping tahap pematuhan KKS dapat dipertingkatkan.



Rajah 4.3: Peratus Pematuhan KKS (2001-2008)

Jadual 4.2: Tindakan Penguatkuasaan Ke Atas Premis Yang Di Tetapkan (KKS) Tahun 2008

Bil KKS	Bil KKS Disiasat	Sasaran Siasatan 2008	Bil Siasatan 2008	Peratus pematuhan	Surat Arahan	Notis Arahan	Kompaun	Tindakan Mahkamah
116	116	300	351	91.34%	145	98	5	10



Rajah 4.4: Tindakan Undang-undang Terhadap KKS

Jadual 4.3: Status Pematuhan KKS di Sabah dari tahun 1998 hingga 2008

TAHUN	Bil Premis	Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977	Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih)1978	Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual)1989/2005
1998	68	76%	89.70%	100%
1999	79	79%	94.94%	100%
2000	80	79%	95.00%	100%
2001	90	82%	98.88%	100%
2002	92	68.75%	98.91%	100%
2003	96	70%	96.88%	100%
2004	101	84%	86.14%	100%
2005	108	86%	87.96%	99.07%
2006	111	84%	88.28%	95.49%
2007	114	82.46%	87.72%	82.46%
2008	116	91.34%	97.41%	98.28%

Jadual 4.3

Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Kilang Getah Asli (KG)


Perlesenan

Pada tahun 2008, sebanyak 3 premis Kilang Getah Asli (KG) telah dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah di mana 2 premis telah diperbaharui lesen bagi tempoh 1 April 2008-31 Mac 2010 (24 bulan) dan 1 premis telah diperbaharui lesen bagi tempoh 1 April 2008-31 Mac 2009 (12 bulan). Sejumlah RM1,758.00 telah berjaya dikutip hasil daripada bayaran yang dikenakan berkaitan

pembaharuan lesen. Ke semua premis tersebut dilesenkan dengan kaedah pelupusan effluen ke alur air.

Penguatkuasaan PYDT (KG)

Pada tahun ini sebanyak 11 daripada 6 siasatan penguatkuasaan yang disasarkan telah berjaya dilaksanakan dan mencatatkan 183% peratus pencapaian. Berdasarkan 11 siasatan ke atas premis berkenaan, di dapati ke semua Kilang Getah adalah patuh kepada syarat-syarat lesen yang telah dikeluarkan seperti dalam Rajah 4.5 dan Jadual 4.5.




Rajah 4.5: Pematuhan Kilang Getah Negeri Sabah (2001-2008)

Jadual 4.5: Premis yang Ditetapkan Kilang Getah 2008

Bil KG	Bil KG Disiasat	Sasaran Siasatan 2008	Bil Siasatan 2008	Peratus pematuhan	Surat Arahan	Notis Arahan	Kompaun	Tindakan Mahkamah
3	3	6	11	100%	2	3	-	-

Gambarfoto aktiviti program penguatkuasaan ke atas KKS dan KG di Negeri Sabah




Gambar 4.1:
Pemeriksaan ke atas alat kawalan pencemaran udara 'Smoke Dencity Recorder & Alarm'



Gambar 4.2:
Kerja-kerja percontohan sampel effluen KKS di takat pelepasan terakhir yang diluluskan 'X'



Gambar 4.3: Pemeriksaan ke atas stor simpanan minyak hitam terpakai (SW 305)



Gambar 4.4:
Pemasangan alat 'pressure gauge' pada alat kawalan pencemaran udara multisiklon



Gambar 4.5 & 4.6: Arahan pemasangan transmisiometer dan pemeriksaan 'span check'/ zero check ke atas alat kawalan pencemaran udara 'Smoke Dencity Recorder & Alarm'



Gambar 4.7:
Pemeriksaan ke
atas Kilang Getah



Gambar 4.8: Pengambilan sampel di takat pelepasan terakhir
yang diluluskan bagi Kilang Getah

PREMIS YANG DITETAPKAN (PENGURUSAN BUANGAN TERJADUAL)

Pada tahun 2008, sebanyak 11 lesen Premis Yang Ditetapkan bagi tujuan mengendali buangan terjadual iaitu 5 lesen penunu buangan terjadual (insinerator) dan 6 lesen pengangkutan di bawah Seksyen 18(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Lesen-lesen yang dikeluarkan ini membolehkan pengeluar bahan buangan terjadual melupus di tempat yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar selaras dengan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. **Jadual 4.6** dan **Jadual 4.7** memaparkan bilangan mengikut jenis lesen yang dikeluarkan.

mempunyai kemudahan pelupusan di Negeri Sabah akan dihantar ke tapak pelupusan buangan terjadual Kualiti Alam Sekitar Sdn. Bhd, Negeri Sembilan, Trinekens Sdn. Bhd di Sarawak atau mana-mana pusat kitar semula melalui agen pengangkut yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar

Seperti tahun 2007, buangan terjadual yang tidak

Jadual 4.6 : Senarai Kemudahan Penunuan Buangan Terjadual Yang Dilesenkan Tahun 2008

Bil	Nama & Alamat Premis	Jenis Lesen	No. Lesen	Jenis & Kod Buangan	Catatan
1.	Hospital Kota Marudu	Penunu hospital	000724	SW 404	Loji Kontingensi
2.	Hospital Tawau	Penunu hospital	000725	SW 404	Loji Kontingensi
3.	Stratavest Sdn. Bhd. <i>Sandakan</i>	Penunu buangan terjadual	000727	SW 310	Beroperasi (On-Site)
4.	Petrojadi Sdn. Bhd. <i>Kota Kinabalu</i>	Penunu buangan terjadual	000728	SW 310, SW312, SW305, SW306, SW 309, SW410, SW 314, SW 311	Beroperasi (off-Site)
5	Faber Medi-Serve Sdn. Bhd. Lok Kawi, Kota Kinabalu	Insinerator Buangan Terjadual (Buangan klinikal & patogenik)	000726	SW404 & SW403	Beroperasi (Off-Site)

Jadual 4.7 : Senarai Kemudahan Pengangkutan Buangan Terjadual Yang Dilesenkan Pada Tahun 2008

Bil	Nama & Alamat Premis	Jenis Lesen	No. Lesen	Kod Buangan	Penerima Buangan
1.	Petrojadi Sdn. Bhd. Kota Kinabalu	Penstoran Luar Tapak: Pengangkutan buangan terjadual	000734	SW 310, SW312, SW305, SW306, SW 309, SW410 (kain dicemari minyak), SW 314, SW 311, buangan terjadual yang boleh dilupuskan di Kualiti Alam Sdn. Bhd dan Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd	i. Petrojadi Sdn. Bhd (Kota Kinabalu) ii. Kualiti Alam Sdn. Bhd iii. Trienekens (Swk) Sdn. Bhd
2.	Ng Sian Hap Pottery Factory Sdn Bhd, Tuaran	Penstoran Luar Tapak: Pengangkutan buangan terjadual	000733	Minyak terpakai - SW305, SW306	i. Ringkas Maju Sdn. Bhd, Batu Pahat, Johor
3.	Cahajasa Sdn. Bhd Inanam, Kota Kinabalu	Penstoran Luar Tapak: Pengangkutan buangan terjadual	000729	Minyak terpakai \SW305, SW306, SW312, SW307 dan SW410 (oil filter)	i. Perniagaan Saudara Baru, Ulu Tiram, Johor ii. Syarikat Perniagaan Soon Li, Gopeng, Perak iii. Hiap Huat Chemicals Sdn. Bhd, Bentong, Pahang
4.	Faber Medi-Serve Sdn. Bhd. Kota Kinabalu	Penstoran Luar Tapak: Pengangkutan buangan terjadual	000730	Buangan patogenik & klinikal SW404 & SW406	i. Kemudahan Insinerator Lok Kawi, Kota Kinabalu (Faber Medi-Serve Sdn. Bhd)
5.	Tiong Chong Transport Enterprise Tuaran	Penstoran Luar Tapak: Pengangkutan buangan terjadual	001239	Minyak Terpakai SW305	i. Hiap Huat Chemicals Sdn. Bhd, Bentong, Pahang
6.	NCT Forwarding & Shipping Sdn. Bhd. Kolombong Kota Kinabalu	Penstoran Luar Tapak: Pengangkutan buangan terjadual	001240	'Zinc ash' & 'Zinc dross' (SW 104) Enapcemar Kalsium Hidroksida (SW 427)	i. Umicore Malaysia Sdn. Bhd., Pasir Gudang, Johor (SW 104) ii. Taiko Bleaching Earth Sdn. Bhd., Parit Buntar, Perak (SW 427)

Selain itu, kawalan keluar dan masuk buangan terjadual ke dalam Malaysia melalui Negeri Sabah terus diberi perhatian. Pemeriksaan di pintu masuk khususnya di pelabuhan dilakukan berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Kastam atau polisi yang ditetapkan oleh Jabatan tersebut kepada pengeksport atau pengimport. Barang-barang import atau eksport yang didapati mengandungi bahan yang dikategorikan sebagai buangan terjadual, akan diambil tindakan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS, 1974).

Sepanjang tahun 2008, sebanyak tujuh (7) kes barang-barang import telah disiasat. Bagaimanapun hasil siasatan mendapati barang-barang import tersebut tidak dikategorikan sebagai buangan terjadual atau apa-apa bahan yang dikawal di bawah AKAS, 1974.

Dari sudut penguatkuasaan, sebanyak 225 premis buangan terjadual telah disiasat dan dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Pecahan tindakan undang-undang yang dikenakan terhadap kesalahan buangan terjadual adalah seperti Rajah 4.6.




Gambar 4.9: Kerja-Kerja Persampelan Buangan Terjadual Sedang Dilakukan Untuk Dianalisa



Gambar 4.10 : Sampel Buangan Terjadual (Minyak Enjin Terpakai) Yang Diambil Semasa Penguatkuasaan Sedia Dihantar Ke Jabatan Kimia Untuk Dianalisa



Gambar 4.11 : Pencemaran Buangan Terjadual (Minyak Enjin Terpakai) Ke Alam Sekitar



Rajah 4.6 : Pecahan Tindakan Undang-Undang Yang Dikenakan Bagi Kesalahan Buangan Terjadual Tahun 2008

Jadual 4.8 : Jumlah Buangan Terjadual Yang Dihasilkan Di Negeri Sabah Dan Dilupuskan Mengikut Jenis Buangan, 2008

Bil	Jenis Buangan	Kuantiti Terdahulu Dalam Simpanan (MT)	Kuantiti Pengeluaran Tahun Semasa (MT)	Kuantiti Yang Dilupus Tahun Semasa Kini (MT)	Baki Dalam Simpanan Semasa (MT)
1	Buangan Klinikal / Farmasi	85.87	724.97	712.62	98.22
2	Dros / Sanga / Klinker	5.34	136.97	136.97	5.34
3	Enapcemar Galian (SW427)	0.00	643.81	643.81	0.00
5	Minyak & Hidrokarbon Terpakai	794.15	1,936.95	2,499.98	231.12
6	Elektronik/Elektrik	0.00	0.00	0.00	0.00
	JUMLAH	885.36	3,442.70	3,993.38	334.68


Jadual 4.9 : Jumlah Buangan Terjadual Yang Dihasilkan Di Negeri Sabah Dan Dilupuskan Mengikut Jenis Industri, 2008

Bil	Jenis Industri	Kuantiti Terdahulu Dalam Simpanan (MT)	Kuantiti Pengeluaran Tahun Semasa (MT)	Kuantiti Yang Dilupus Tahun Semasa (MT)	Baki Dalam Simpanan Semasa (MT)
1	Asas Kertas	0.00	105.72	105.72	0.00
2	Kilang Kelapa Sawit	0.00	53.03	29.44	23.59
3	Automotif / Bengkel	792.95	778.62	1,365.24	206.33
4	Hospital / Klinik / Makmal / Farmasi	85.87	724.97	712.62	98.22
5	Logam / Kejuruteraan	0.00	40.44	40.44	0.00
6	Loji Rawatan Air / Stesen Janakuasa	1.20	878.62	878.62	1.20
7	Petroleum / Petrokimia	0.00	80.52	80.52	0.00
8	Premis Yang Ditetapkan Buangan Terjadual	5.34	136.97	136.97	5.34
9	Gas (SW427)	0.00	643.81	643.81	0.00
10	Elektronik/Elektrik	0.00	0.00	0.00	0.00
	JUMLAH	885.36	3,442.70	3,993.38	334.68

KONTINGENSI TUMPAHAN MINYAK

Sepanjang tahun 2008, tiada sebarang kes tumpahan minyak atau pembuangan minyak secara haram ke perairan Negeri Sabah yang signifikan menyebabkan pencemaran alam sekitar khususnya ekosistem marin.

Sebagai langkah berjaga-jaga untuk menghadapi sebarang kemungkinan berlaku kes tumpahan minyak, Jawatankuasa Bertindak Kontigensi Tumpahan Minyak Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah terus diaktifkan. Struktur Jawatankuasa bagi tahun 2006 dan 2007 dikekalkan ke tahun 2008. Jawatankuasa tersebut terbahagi kepada 4 unit utama iaitu Bilik Kawalan, Unit Udara, Unit Laut dan Unit Darat seperti di Rajah 4.7.




Rajah 4.7: Organisasi Unit Kontigensi JAS Negeri Sabah

Pada tahun 2008 ini, penerbitan Pelan Tindakan Pembersihan Pantai Akibat Tumpahan Minyak, Negeri Sabah diberi keutamaan. Pelan Tindakan Pembersihan Pantai Akibat Tumpahan Minyak, Negeri Sabah berfungsi sebagai garis panduan kepada setiap agensi berkaitan untuk melaksanakan tanggungjawab masing-masing dalam kerja-kerja pembersihan pantai akibat pencemaran minyak di seluruh kawasan persisiran pantai di Negeri Sabah dan pulau-pulau sekitarnya yang berada di bawah pentadbiran Negeri Sabah. Pelan Tindakan ini juga diharap

dapat membantu dalam memberi pengetahuan, pendedahan, kaedah dan masalah pembersihan, pendekatan bertindak, bidang kuasa, peranan Jabatan-Jabatan dan agensi-agensi di Negeri Sabah, termasuk kaedah membuat tuntutan kos pembersihan.


Pelan Tindakan Pembersihan Pantai Akibat Tumpahan Minyak, Negeri Sabah dibahagikan kepada dua (2) tahap iaitu **Tahap Pertama** dan **Tahap Kedua**. Bagi setiap tahap, satu Jawatankuasa ditubuhkan. Tahap Pertama adalah kejadian yang berlaku dalam satu daerah dan Tindakan Pembersihan Pantai akan dipengerusikan oleh Mayor/Presiden/Pegawai Daerah berkenaan. Manakala Tahap kedua adalah Peringkat Negeri di mana kejadian pencemaran minyak melibatkan lebih daripada satu daerah. Jawatankuasa Pembersihan Pantai bagi Tahap Dua akan dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah (Rajah 4.8).



Gambar 4.12: Pelan Tindakan Pembersihan Pantai Akibat Tumpahan Minyak, Negeri Sabah

Berikut adalah latar belakang penyediaan pelan dan usaha-usaha dalam merelisasikan penerbitan dan penggunaannya di Negeri Sabah:

- Mesyuarat MEXCOE Ke 11 pada 20 Oktober 1995 di Kota Kinabalu memutuskan agar setiap negeri perlu mewujudkan Jawatankuasa Pembersihan Pantai Akibat Tumpahan Minyak masing-masing;
- Bengkel bagi tujuan mengemaskini draf Pelan tersebut telah diadakan pada 03 September 2007. Peserta terdiri daripada agensi Persekutuan dan Negeri termasuk wakil daripada Pejabat Daerah Berpantai di Negeri Sabah;
- Satu perbincangan dengan Y.B Datuk Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah (SKN) telah diadakan pada 17 Januari 2008 di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang dihadiri bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS) yang berperanan sebagai Urusetia bagi Jawatankuasa Peringkat Negeri.
- Perbincangan ini bertujuan untuk mendapatkan persetujuan dan pengesahan pelan untuk digunapakai di Negeri Sabah. Kata-kata aluan YB. Datuk SKN turut dimuatkan dalam Pelan ini;
- Satu taklimat telah disampaikan kepada Ahli Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan Negeri Sabah Siri 1/2008 telah diadakan pada 1 Ogos 2008. Mesyuarat telah memperakui pencetakan pelan ini untuk digunapakai di Negeri Sabah;
- Satu taklimat kepada ahli Mesyuarat Majlis Perlindungan Alam Sekitar, Siri 2/2008 pada 08 September 2008; dan
- Taklimat tentang pelaksanaan pelan ini disampaikan dalam Seminar Pegawai Eksekutif dan Pegawai Kanan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada 15 Disember 2008 dan pengagihan kepada semua PBT di Negeri Sabah semasa Seminar tersebut.



Rajah 4.8: Struktur Jawatankuasa Pembersihan Pantai Akibat Tumpahan Minyak Peringkat Negeri Sabah


PROGRAM PENGUATKUASAAN TERHADAP PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN (PYBDT)

Operasi penguatkuasaan dan siasatan unit ini adalah tertumpu kepada premis-premis perindustrian dan punca-punca pencemaran yang tidak dilesenkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Program lawatan penguatkuasaan dijalankan ke atas punca-punca pencemaran yang dikategorikan di bawah PYBDT. Ia merangkumi aktiviti lawatan siasatan aduan pencemaran air, pencemaran udara dan bunyi bising. Siasatan yang dijalankan adalah mengikut peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979, dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Rajah 4.9 menunjukkan pecahan bilangan lawatan penguatkuasaan ke atas punca PYBDT mengikut jenis industri bagi tahun 2008.

Jumlah bilangan lawatan penguatkuasaan yang berjaya dilaksanakan sehingga 31 Disember 2008 adalah sebanyak 514 lawatan. Berdasarkan kepada lawatan penguatkuasaan yang dijalankan didapati tahap pematuhan punca-punca pencemaran secara keseluruhannya adalah agak rendah iaitu 53.5% Jadual 4.10 menunjukkan status pematuhan premis berdasarkan kepada lawatan penguatkuasaan yang dilaksanakan sepanjang tahun 2008.

Antara tindakan-tindakan yang diambil ke atas punca-punca pencemaran yang tidak patuh ini adalah dengan mengenakan tindakan seperti Surat Arahan, Notis Arahan, kompaun dan tindakan mahkamah mengikut peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ke atas premis-premis yang gagal mematuhi akta ini. Sepanjang tahun 2008 tindakan-tindakan yang dikenakan adalah 273 Surat Arahan, 73 Notis Arahan, 86 Kompaun dan 4 kes disyorkan untuk tindakan mahkamah kepada premis-premis yang bermasalah.




Rajah 4.9: Pecahan Bilangan Lawatan Penguatkuasaan Ke Atas Premis Yang Bukan Ditetapkan Mengikut Jenis Industri Bagi Tahun 2008

Jadual 4.10: Program Penguatkuasaan, Status Pematuhan dan Tindakan Ke Atas PYBDT Mengikut Jenis Industri Bagi Tahun 2008

Bil	Jenis Industri	Bil.Premis Yang Diperiksa	Bil.Lawatan/Pemeriksaan (1)	Status Pematuhan		Bilangan Tindakan Susulan Penguatkuasaan				Perintah Larangan	
				Bil. Premis Patuh	Bil. Premis Tidak Patuh	Peratus Pematuhan	Surat Arahan	Notis Arahan	Bil. Kompaun Dikenakan		Tindakan Mahkamah
1	Kilang Padi	1	1	0	1	0.00	1	0	0	0	0
2	Kilang Kayu/Papan	75	81	41	38	54.67	45	17	37	0	0
3	Fishmeal	6	6	2	4	33.33	2	3	3	0	0
4	Kilang Besi	1	3	0	1	0.00	0	3	3	0	0
5	Kilang Gam	1	1	0	1	0.00	1	1	4	0	0
6	Kilang Bata	3	2	1	1	33.33	2	0	0	0	0
7	Kuari	6	4	2	2	33.33	1	2	2	0	0
8	Industri Kimia (Baja)	2	2	2	0	100.00	2	0	0	0	0
9	Kilang Perabot	7	7	6	1	85.71	3	0	1	0	0
10	Premix Plant/Simen	10	10	6	3	60.00	5	0	1	0	0
11	Penapis Minyak (makan)	10	16	9	4	90.00	1	7	8	3	0
12	Stesen Janakuasa	9	9	7	2	77.78	2	1	0	0	0
13	Berasakan Getah	1	1	1	0	100.00	1	0	0	0	0
14	Kertas	3	9	5	2	166.67	1	0	0	1	0
15	Tayar	1	1	0	1	0.00	1	0	2	0	0
16	Kilang Minuman	4	4	0	4	0.00	4	6	0	0	0
17	Kilang Makanan	16	17	14	2	87.50	8	1	0	0	0
18	Loji Pengolahan PBT	28	30	10	19	35.71	20	0	0	0	0
19	Loji Pengolahan Persendirian	28	27	14	12	50.00	7	4	0	0	0
20	Loji Rawatan air	7	7	4	3	57.14	5	0	0	0	0
21	Hotel	5	6	3	2	60.00	7	1	0	0	0
22	Bengkel/Workshop	185	201	106	98	57.30	127	12	20	0	0
23	Klinik/Hospital	6	6	6	0	100.00	1	0	0	0	0
24	Terminal Gas	1	1	0	0	0.00	0	0	0	0	0
25	Pembungkusan makanan laut	11	11	8	3	72.73	5	0	3	0	0
26	Penyembelihan Ayam	8	12	2	6	25.00	2	6	0	0	0
27	Baja Binaiang	5	5	0	5	0.00	3	5	0	0	0
28	Lain-Lain	34	36	27	7	79.41	16	4	2	0	0
	JUMLAH	474	516	276	222	53.49	273	73	86	4	0

Gambarfoto aktiviti program penguatkuasaan ke atas KKS dan KG di Negeri Sabah



KAWALAN PENCEMARAN PUNCA-PUNCA BERGERAK

Pada tahun 2008, bagi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan daripada Enjin Diesel) 1996, sebanyak **54** Operasi Statik telah dijalankan, **31** Operasi 'Area Watch and Sanction Inspection' (AWASI), **30** Operasi Catat dan **28** Operasi Video telah dijalankan.

Pada tahun ini juga, Operasi Kebangsaan serentak seluruh negara telah dijalankan sebanyak 2 kali iaitu pada 4-7 April 2008 dan 24-28 Disember 2008. Operasi Statik dan Operasi Kebangsaan, Operasi bersepadu telah dijalankan dengan kerjasama Polis Di Raja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan PUSPAKOM dan telah berjaya mengeluarkan sebanyak **294** tawaran kompaun terhadap kenderaan diesel yang melepaskan asap hitam sepanjang tahun 2008. Dalam menjayakan operasi asap hitam Meter asap Muller Bem 8695 dan 898 telah digunakan.


Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Kenderaan Petrol dan Motorsikal

Bagi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996, sebanyak **10 operasi** bagi kenderaan petrol dan **11 operasi** bagi motorsikal

telah dijalankan menggunakan 'Meter Gas Analyzer QRO 202' dengan mengambilkira pematuhan terhadap parameter karbon monoksida (CO) dan hidrokarbon (HC) yang telah dikeluarkan oleh sesebuah kenderaan dan motorsikal berenjin petrol. Sebanyak 106 buah kenderaan pelbagai model dan 37 buah motorsikal telah diperiksa dan diuji. Sebanyak 12 amaran bertulis telah dikeluarkan kepada pemilik kenderaan yang didapati tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.



Gambar 4.16: Operasi Kebangsaan Serentak Seluruh Negara Penguatkuasaan Pelepasan Asap Hitam Ke atas Kenderaan Diesel Yang Dijalankan Oleh JAS Negeri Sabah.



Rajah 4.10: Bilangan Kompaun Yang Dikeluarkan Atas Kesalahan Pelepasan Asap Hitam Oleh Kenderaan Diesel Tahun 2008.



Gambar 4.17: Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah semasa Perasmian Operasi Kebangsaan Serentak Seluruh Negara pada 7 April 2008 di Kota Kinabalu, Sabah

Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL)

Penguatkuasaan audit terhadap kemudahan yang diluluskan telah dijalankan. Sebanyak 3 lawatan audit Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL) iaitu, di PUSPAKOM Kota-Kinabalu, Sandakan dan Tawau serta lawatan 4 lawatan permohonan sijil KYDL di Beaufort, Keningau, Kota Marudu dan Lahad Datu. Kesemua premis telah dapat mengikut kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Kawalan Bunyi Bising

Bagi penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987 terutamanya terhadap kenderaan motosikal sebanyak 5 operasi telah dijalankan. Sebanyak 23 buah unit motorsikal telah diperiksa dan diuji bunyi bising 'exhaust' menggunakan 'Sound Level Meter' B & K 2238" dan 'Tachometer'.

Refrigeran Identifier

Program promosi terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999 telah berjaya dijalankan pada 26 Mac 2008 di Jalan Batu Sapi, Sandakan.

Kegunaan utama alat Refrigerant Identifier ialah untuk mengenal pasti ketulenan kandungan refrigerant seperti R12, R134a dan hidrokarbon dalam peralatan Sistem Penyaman Udara Kenderaan Bermotor (Mobile Air Conditioning Unit, MAC). Peralatan ini menguji wap refrigerant dalam sistem penyaman udara dan maka jika sample yang diuji adalah tulen maka:

- Ianya dapat diuji dengan identifier
- Dapat merekod % kandungan refrigerant tersebut

Kenderaan yang telah diuji mematuhi Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999 yang melarang ke atas penggunaan benda refrigerant yang membahayakan alam sekeliling.

LAPORAN OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA

Pada tahun ini, Unit Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka (OMPT), Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah menjalankan penguatkuasaan bagi punca-punca pencemaran pembakaran terbuka yang melibatkan rondaan udara menggunakan perkhidmatan syarikat Penerbangan Sabah, siasatan melalui rondaan darat mengikut program yang dirancang serta siasatan aduan orang awam.

Sebanyak 174 jam program pengawasan udara dan siasatan laporan hotspot yang dikemukakan oleh pihak Ibupejabat JAS Putrajaya telah dibuat. Jumlah masa rondaan udara agak mencukupi walaupun hanya 151 bilangan hotspot dapat disiasat berbanding 183 yang dilaporkan. Faktor utama yang menghalang semua kawasan titik hotspot disiasat ialah kerana kawasan hotspot tidak dapat dilalui oleh helikopter kerana faktor cuaca buruk, bentuk muka bumi yang tidak sesuai serta tempat bekalan minyak yang jauh daripada kawasan titik hotspot.

Manakala, 413 rondaan darat telah dilaksanakan di seluruh Negeri Sabah dan 214 aduan pembakaran terbuka telah disiasat. Hasil penguatkuasaan tersebut, hanya 421 kes kebakaran yang dapat dikesan dan berlaku di seluruh Negeri Sabah seperti yang dipaparkan dalam Rajah 4.13. Umumnya, Penguatkuasaan yang dijalankan meliputi ladang, belukar, hutan, tapak pelupusan sampah, Fire Prone Area, kawasan industri, kategori aktiviti yang diisytiharkan dan aduan kebakaran di kawasan perumahan. Sembilan belas (19) tapak sampah dapat dipantau pada tahun ini berbanding dua puluh satu (21) yang ada




Gambar 4.18: Pembakaran Terbuka Di Tapak Pelupusan Sampah Semporna

Dari segi tindakan penguatkuasaan sebanyak 20 kompaun telah dikeluarkan kepada 19 premis kerana melakukan kesalahan pembakaran terbuka iaitu pihak industri empat belas (14), tapak pembinaan empat (4) dan tapak pelupusan haram satu (1) yang berjumlah RM 28,500. Kutipan yang dapat dibuat berjumlah RM 24,500.00 setakat ini.



Gambar 4.19: Pembakaran Terbuka Kawasan Industri (Kilang Papan)

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah turut mengeluarkan Surat Dan Notis Arahan Larangan Pembakaran Terbuka kepada pesalah-pesalah alam sekitar tersebut. Bagi kes 2008, hanya satu (1) tindakan mahkamah akan diambil ke atas sebuah premis kerana kegagalan premis tersebut membayar kompaun yang ditawarkan. Terdapat juga 3 kes mahkamah lain yang didaftarkan bagi kes-kes pembakaran terbuka sebelum tahun 2008.




Rajah 4.11: Kompaun Pembakaran Terbuka Tahun 2008

Unit OMPT juga turut bertindak ke atas aduan orang awam yang mana aduan tersebut kebanyakan berlaku di kawasan taman perumahan, tapak pelupusan haram dan lain-lain berjumlah 214 kes sepanjang tahun.



Gambar 4.20: Aduan Pembakaran Terbuka di Kawasan Taman Perumahan.



Rajah 4.12: Jumlah Aduan Pembakaran Terbuka 2008



Gambar 4.21: Pembakaran Terbuka oleh Pekebun Kecil dan Petani Pindah di Sabah.


Bagi program kesedaran 2008, Unit OMPT masih lagi turun pintu ke pintu rumah penduduk taman perumahan yang diadu untuk memberi nasihat tentang larangan pembakaran terbuka. Unit ini juga turut ke padang untuk memberikan ceramah sama ada kepada golongan petani ataupun golongan profesional tentang larangan pembakaran terbuka. Pada 22 Januari 2008, satu ceramah telah diadakan di NIOSH Sabah berkenaan perundangan pembakaran terbuka kepada peserta-peserta kursus yang dianjurkan oleh badan berkenaan.

Dalam tahun ini juga Unit OMPT turut menjalankan latihan *High Volume Frequency* (VHF) dengan peronda-peronda JAS Kota Kinabalu, cawangan dan JAS Wilayah Persekutuan Labuan. Latihan ini dapat memberi pendedahan semula kepada kakitangan JAS tentang penggunaan VHF. Selain itu, satu program sidang video turut dijalankan di antara Jabatan Alam Sekitar Sabah dan Jabatan Alam Sekitar Labuan. Menerusi komunikasi dua hala ini, diharap dapat mengerat hubungan kedua-dua Pejabat ini sambil bertukar pandangan dalam isu-isu alam sekitar.

Bagi permohonan pembakaran terbuka, Jabatan ini telah memproses empat belas (14) permohonan yang kebanyakannya adalah untuk upacara keagamaan dan latihan memadam

kebakaran. Hanya sembilan (9) sahaja permohonan yang lulus dan lima (5) lagi permohonan ditolak. Penolakan ini disebabkan oleh aktiviti tersebut tidak tertakluk di dalam kategori aktiviti-aktiviti yang diisytihar untuk kebenaran pembakaran terbuka.

Kesimpulannya, kes kebakaran terbuka pada tahun 2008 menunjukkan menurun sebanyak 31.7% berbanding pada tahun sebelumnya, 2007. Ini disebabkan penerimaan taburan hujan di Negeri Sabah pada tahun 2008 adalah lebih banyak berbanding tahun 2007. Ini dapat dilihat daripada pengurangan jumlah kes kebakaran yang dikesan di Negeri Sabah pada tahun 2008 iaitu berjumlah 421 kes berbanding 617 kes tahun sebelumnya.




Rajah 4.13: Bilangan Kes Pembakaran Terbuka yang Dikesan Sepanjang Tahun 2008.

TINDAKAN MAHKAMAH

Sepanjang tahun 2008, sebanyak 128 kes tindakan mahkamah kerana pelanggaran terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya telah dikendalikan oleh Jabatan ini dan bilangan kes ini telah meningkat berbanding jumlah kes yang dikendalikan pada tahun 2007 (60 kes).

Daripada jumlah kes tersebut, kes yang didaftarkan di mahkamah pada tahun 2008 adalah sebanyak 111 kes dan 17 kes lagi adalah kes belum selesai yang telah didaftarkan pada tahun sebelumnya. Kes-kes tersebut adalah melibatkan kes-kes kesalahan yang dilakukan pada tahun 2008 iaitu 14 kes, tahun 2007 (32 kes), 2006 (21 kes), 2005 (12 kes), 2004 (29 kes), 2003 (17 kes) dan 2001 (3 kes).


Daripada 128 kes tersebut, 101 kes telah selesai didakwa dan 27 kes lagi masih dalam proses pendakwaan dan jumlah kes yang selesai telah meningkat berbanding tahun 2007 (42 kes). Daripada jumlah kes yang selesai tersebut sejumlah RM773,950.00 denda telah dikutip dan jumlah kutipan denda ini telah bertambah berbanding tahun 2007 (RM455,650.00) dan tahun-tahun sebelumnya (**Rajah 4.14**).




Rajah 4.14: Bilangan Kes Tindakan Mahkamah Yang Selesai Dan Jumlah Denda, Tahun 2004 - 2008

Kes-kes yang telah selesai tersebut, kes terbanyak adalah melibatkan kesalahan di bawah Seksyen 22(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (pelepasan asap hitam dari kenderaan diesel) iaitu 59 kes dengan jumlah denda yang dikutip adalah sebanyak RM69,950.00, diikuti kesalahan di bawah Seksyen 25(1) (melepaskan effluen ke alurair melebihi had yang ditetapkan) iaitu 19 kes (RM445,000.00), Seksyen 16(1) (tidak patuh syarat lesen) 15 kes (RM136,000.00), Seksyen 18(1) (menggunakan/menduduki premis yang

ditetapkan tanpa lesen) 3 kes (RM18,000.00), Seksyen 34B(1)(a) (melupuskan buangan terjadual bukan di premis yang ditetapkan) iaitu 2 kes (RM18,000.00), Seksyen 27(1) (melepaskan minyak ke dalam Perairan Malaysia) 1 kes (RM85,000.00), Seksyen 18(1A) (menggunakan kenderaan untuk pemindahan buangan terjadual tanpa lesen) 1 kes (RM2,000.00) dan Seksyen 29A (1) (menyebabkan pembakaran terbuka) 1 kes (**Rajah 4.15 dan Rajah 4.16**).




Rajah 4.15: Pecahan Kes Tindakan Mahkamah Mengikut Jenis Kesalahan, 2008




Rajah 4.16: Pecahan Kutipan Denda Mahkamah Mengikut Jenis Kesalahan, 2008

Berdasarkan jenis industri/aktiviti kes-kes yang selesai didakwa pada tahun 2008, kenderaan diesel adalah kes terbanyak iaitu 59 kes dengan jumlah denda yang dikutip sebanyak RM69,950.00, diikuti kilang kelapa sawit iaitu 37 kes (RM599,000.00) dan masing-masing

satu kes bagi stesen janakuasa (RM18,000.00), industri kimia (RM85,000.00), industri pembuatan logam, tapak pembinaan dan kenderaan pengangkut buangan terjadual (RM2,000.00) (**Rajah 4.17 dan Rajah 4.18**).



Rajah 4.17: Pecahan Kes Tindakan Mahkamah Mengikut Jenis Industri/Aktiviti, 2008



Rajah 4.18: Pecahan Kutipan Denda Mahkamah Mengikut Jenis/Aktiviti, 2008


ADUAN PENCEMARAN

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah memberi keutamaan kepada kes-kes aduan pencemaran yang diadu oleh orang ramai, pihak media massa dan lain-lain pihak yang diterima melalui telefon, hotline NRE, surat menyurat, hadir sendiri, e.mail, media dan lain-lain saluran. Setiap aduan di bawah bidangkuasa Jabatan Alam Sekitar akan disiasat dengan segera selaras dengan piagam tindakan aduan Jabatan dan tindakan susulan sewajarnya akan diambil ke atas pihak yang dikenalpasti melakukan kesalahan tersebut. Sekiranya perkara yang di adu di luar bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar, aduan tersebut akan dirujuk kepada Jabatan/Agensi lain yang berkaitan.


Pada tahun 2008, sebanyak 206 kes aduan pencemaran alam sekitar telah diterima oleh Jabatan ini, iaitu peningkatan sebanyak 49.3 % berbanding tahun 2007 (138 kes). Daripada

jumlah kes aduan tersebut, aduan berkaitan pencemaran udara merupakan jenis aduan terbanyak, diterima iaitu 143 kes, diikuti pencemaran air 32 kes, lain-lain (18), buangan terjadual (7), bunyi bising (4) dan tumpahan minyak (2) (**Rajah 4.19**). Berdasarkan punca aduan, kawasan perindustrian/lain-lain industri adalah punca aduan tertinggi diterima iaitu 73 kes, diikuti kawasan perumahan dan komersial 67 kes, lain-lain punca (25), premis kilang kelapa sawit dan kilang getah (15 kes), sungai (11) industri berasaskan kayu (8 kes), industri penternakan (3), kenderaan (3) dan Kuari (1) (**Rajah 4.20**).

Daripada jumlah aduan tersebut, aduan terbanyak diterima adalah dari Kawasan Pantai Timur iaitu iaitu 65 kes, kawasan Kota Kinabalu 55 kes, Penampang (35 kes), Pantai Barat Selatan (29 kes), Pantai Barat Utara (11 kes) dan kawasan Pendalaman (11 kes) (**Jadual 4.11**).



Rajah 4.19: Aduan Pencemaran Mengikut Jenis, 2008



Rajah 4.20: Punca Dan Jenis Aduan Pencemaran Alam Sekitar, 2008

Jadual 4.11: Kawasan dan Jenis Aduan Pencemaran Alam Sekitar, 2008

Bil	Kawasan	Jenis Aduan						Jumlah
		Udara	Air	Bunyi Bising	Buangan Terjadual	Tumpahan Minyak	Lain-Lain	
1	Pantai Barat Utara	8	1	0	0	0	2	11
2	Kota Kinabalu	42	4	3	2	1	3	55
3	Penampang	30	3	0	0	0	2	35
4	Kawasan Pantai Barat Selantan	20	3	1	1	0	4	29
5	Kawasan Pantai Timur	41	15	0	4	1	4	65
6	Kawasan Pendalaman	4	6	0	0	0	1	11
	JUMLAH	145	32	4	7	2	16	206

Tawaran Kompaun

Pada tahun 2008, sebanyak 471 tawaran kompaun dengan nilai kompaun berjumlah RM938,000.00 telah dikeluarkan kerana pelbagai kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya dan bilangan tawaran kompaun ini

telah meningkat berbanding tahun 2007 (427 kes). Daripada jumlah tersebut, tawaran kompaun tertinggi dikeluarkan terhadap pemunya kenderaan diesel kerana kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 (melepaskan asap hitam melebihi ketumpatan asap yang dibenarkan) iaitu 294

kompaun (RM588,000.00), diikuti kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 (tidak mengendali/mengurus buangan terjadual mengikut peraturan yang ditetapkan) 90 kompaun (RM 176,000.00), 67 kompaun (RM134,000.00) kerana kesalahan di bawah

Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 dan 20 kompaun (RM40,000.00) kesalahan di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (melakukan pembakaran terbuka) (**Jadual 4.12**).

Jadual 4.12 : Tawaran Kompaun Yang Dikeluarkan Tahun 2008 Kerana Kesalahan Terhadap Peruntukkan AKAS 1974 Dan Peraturan-Peraturan Di Bawahnya

PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING								AKAS 1974	
PPKAS (Udara Bersih) 1978 [P.U. (A) 280/1978]			PPKAS (Buangan Terjadual) 2005 [P.U. (A) 293/2005]			PPKAS (Kawalan Pelepasan Drp Enjin Diesel) 1996		Seksyen 29A	
Peraturan	Bil. Kes	Jumlah Kompaun (RM)	Peraturan	Bil. Kes	Jumlah Kompaun (RM)	Bil. Kes	Jumlah Kompaun (RM)	Bil. Kes	Jumlah Kompaun (RM)
Per. 14	5	10,000.00	Per. 3	12	24,000.00	294	588,000.00	20	40,000.00
Per. 36	37	74,000.00	Per. 8	3	6,000.00				
Per. 38	4	8,000.00	Per. 9	27	52,000.00				
Per. 40	21	42,000.00	Per. 10	30	58,000.00				
			Per. 11	16	32,000.00				
			Per. 14	2	4,000.00				
JUMLAH	67	134,000.00	-	90	176,000.00	294	588,000.00	20	40,000.00

Notis Arahan

Sepanjang tahun 2008, sebanyak 221 notis arahan telah dikeluarkan kepada pemunya premis kilang/industri di negeri ini kerana telah melakukan pelbagai kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 209 notis dikeluarkan di bawah Seksyen 31, Akta Kualiti Alam

Sekeliling 1974 iaitu mengarahkan premis kilang/industri mengambil langkah-langkah kawalan pencemaran yang sewajarnya dalam tempoh yang ditetapkan dan 12 notis di bawah Seksyen 37 akta yang sama, mengarahkan premis kilang/industri mengemukakan maklumbalas berkaitan tindakan susulan yang telah diambil bagi mematuhi arahan-arahan yang telah dikeluarkan ke atas premis mereka.

PROGRAM PENCEGAHAN PENCEMARAN DAN PENINGKATAN KUALITI AIR SUNGAI TAHUN 2008


Terdapat 6 lembangan sungai yang terlibat dalam Program Pencegahan Pencemaran dan Peningkatan Kualiti Air Sungai (PPPPKAS) bagi Negeri Sabah iaitu, Lembangan Sungai Moyog/Petagas, Lembangan Sungai Likas/

Inanam, Sungai Tuaran, Sungai Sembulan, Sungai Seguntor dan Sungai Tawau.

Sehingga berakhir tahun 2008, sebanyak 206 punca pencemaran yang dikenalpasti terlibat dalam program ini. Pecahan jenis punca mengikut lembangan ditunjukkan dalam **Jadual 4.13**.

Jadual 4.13: Bilangan Punca Mengikut Jenis Yang Dikenalpasti Bagi Setiap Lembangan

Lembangan Sungai	Kategori Punca					Jumlah
	PBYDT	KKS/KG	EIA	Loji Kumbahan	Punca Lain	
Likas/Inanam	30	0	2	3	51	86
Moyog/Petagas	6	0	0	3	23	32
Seguntor	24	0	0	0	0	24
Sembulan	14	0	0	0	11	25
Tawau	4	1	0	0	23	28
Tuaran/ Tamparuli	4	1	0	1	5	11
Jumlah	73	2	4	5	122	206




Rajah 4.21: Pecahan Bilangan Punca Pencemaran Mengikut Jenis

Secara keseluruhannya sebanyak 49 lawatan penguatkuasaan telah dilaksanakan di enam lembangan dalam Program Pencegahan Pencemaran dan Peningkatan Kualiti Air Sungai. Peratus pematuhan bagi setiap lembangan ditunjukkan dalam Jadual 4.14


Jadual 4.14 : Bilangan lawatan Penguatkuasaan dan Peratus Pematuhan Punca-Punca Pencemaran Mengikut Lembangan.

Lembangan Sungai	Bilangan Lawatan Penguatkuasaan	Peratus Pematuhan
Likas/Inanam	11	89%
Petagas Moyog	6	81%
Seguntor	8	96%
Sembulan	3	79%
Tawau	16	89%
Tuaran Tamparuli	5	100%

Rajah 4.22: Bilangan lawatan Penguatkuasaan dan Peratus Pematuhan Punca-Punca Pencemaran Mengikut Lembangan



Rajah 4.23: Aktiviti Promosi Dan Kesedaran Awam Yang Dijalankan Mengikut Lembangan





**JABATAN ALAM SEKITAR
NEGERI SABAH**

Aras 4, Blok A
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Jalan JMS - Sulaman
88450 Kota Kinabalu
Sabah Negeri Di Bawah Bayu

Dicetak oleh: GAYAWARA SDN. BHD.
Tel: 088-428667 Fax: 088-437515

